

[RASHID GHANNOUCHI'S CONTRIBUTION IN HARMONIZING ISLAM AND DEMOCRACY]

SUMBANGAN RASHID GHANNOUCHI DALAM MENGHARMONIKAN ANTARA ISLAM DAN DEMOKRASI

Zaid Husaini Kamis

zhusaini786@gmail.com

Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies
University of Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Mohd Roslan Mohd Nor

m_roslan@um.edu.my (Corresponding Author)

Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies
University of Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari

mozaha@ukm.edu.my

Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization Faculty of Islamic Studies,
National University of Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Abstrak

Untuk mewujudkan pemerintahan yang mengamalkan sistem demokrasi di wilayah di Timur Tengah dan Afrika Utara bukan suatu perkara yang mudah. Ia penuh dengan cabaran dan perlu dilakukan secara baik dan berhemah agar penentangan terhadap sistem demokrasi dapat dikurangkan. Inilah perkara utama yang cuba dilakukan oleh Rashid Ghannouchi, seorang tokoh moderat di Tunisia yang berjuang untuk melestarikan demokrasi dan Islam di negaranya. Apabila berlaku fenomena *Arab Spring* yang bermula pada penghujung 2010, ia menjadi peluang keemasan untuk penerapan demokrasi dilakukan melalui partisipasi parti al-Nahdah. Kertas ini bertujuan untuk membincangkan sumbangan Rashid Ghannouchi dalam memperjuangkan demokrasi dalam ruangan politik Tunisia. Dalam penulisan ini, kaedah kajian kualitatif melalui kajian kepustakaan digunakan dalam menganalisis data-data yang kumpulkan melalui analisis deskriptif dan analitikal. Hasil dari kajian ini menunjukkan bahawa demokrasi yang berasaskan kepada kebebasan bersuara dan pendapat boleh dilaksanakan, namun ia memerlukan penerapan yang dapat mengintegrasikannya dengan prinsip-prinsip Islam secara umum dan beransur-ansur.

Kata kunci: *Rashid Ghannouchi, Tunisia, Arab Spring, demokrasi, Islam, al-Nahdah*

Abstract

To establish a democracy system of government in the Middle East and North Africa region is not an easy task. It is full of challenges and need to be done in a well manner so the opposition and adversary to the democratic system can be reduced. This is the main things that Rashid Ghannouchi, a moderate figure in Tunisia who strive to implement democracy and Islam in his country, is trying to do. When the Arab Spring phenomenon began at the end of 2010, it was the golden opportunity for the implementation of democracy through the participation of the Al-Nahda party. This paper aims to discuss Rashid Ghannouchi's contribution in instigating democracy in the Tunisian political space. In preparing this paper, the authors utilize qualitative research method through literature review, which is used in analyzing the data collected through descriptive and analytical analysis. The results of this study indicate that democracy based on freedom of speech and opinion can be implemented, yet in the case of arab countries it requires an application that can integrate the idea with Islamic principles in general and gradually.

Keyword: *Rashid Ghannouchi, Tunisia, Arab spring, Democracy, Islam, al-Nahda*

Article Received:
10 November 2021

Article Reviewed:
23 November 2021

Article Published:
30 November 2021

PENGENALAN

Secara etimologi, demokrasi terdiri dari dua kata yang berasal dari bahasa Yunani, iaitu 'demos' yang bermaksud rakyat atau penduduk suatu tempat dan 'cratein' atau 'cratos' yang bermaksud kekuasaan atau kedaulatan. Jadi 'demos-cratein' atau 'demos-cratos' (demokrasi) adalah kekuasaan atau kedaulatan rakyat, kekuasaan tertinggi berada dalam keputusan rakyat, rakyat berkuasa, pemerintahan rakyat dan kekuasaan oleh rakyat (Andiko, 2017: 100). Demokrasi pada dasarnya adalah suatu sistem yang digunakan oleh Barat dalam usaha untuk mendapatkan tadbir urus kerajaan yang baik. Perkara ini dapat dicapai dengan adanya demokrasi setelah Barat menghadapi tempoh yang panjang dalam sejarah yang mana mereka dahulunya adalah suatu bangsa yang terkebelakang berbanding tamadun lain terutamanya jika dibandingkan dengan ketamadunan Islam. Namun, mereka bangkit setelah berasimilasi dengan ketamadunan Islam dan berlaku banyak revolusi terhadap pemikiran mereka yang mula menolak agama secara beransur-ansur disebabkan penindasan dan penyelewengan golongan gereja dari sudut keilmuan dan sosial pada waktu itu. Seterusnya mereka menolak pemerintahan diktator oleh Raja yang zalim yang mementingkan diri. Akhirnya, demokrasi adalah hasil dari perkembangan pemikiran dan kemuncak kepada sebuah pentadbiran yang baik dalam usaha mencapai kemajuan material (Mohd Rumaizuddin, 2017: 22).

Namun, asas kepada demokrasi adalah terpisah dari syariat dan tiada roh agama menjadi suatu perkara yang ditolak oleh ulama dan umat Islam pada awalnya. Perbahasan yang panjang dan berterusan akhirnya menatijahkan bahawa kaedah demokrasi ini boleh digunapakai dan perlu dinilai dan dilihat dari sudut kacamata Islam. Antara tokoh yang terkenal dalam membahaskan perkara ini adalah Dr. Yusuf al-Qaradawi, Malik Bennabi, Rashid al-Ghannouchi, Sa'id Hawwa, al-Mawdudi dan ulama serta pemikir yang lain. Mereka ini adalah golongan yang menerima pendekatan demokrasi dengan aspek yang berbeza dengan Barat iaitu demokrasi perlu dinilai dari kacamata Islam dan sekiranya suatu perkara bercanggah dengan agama, maka ia hendaklah ditolak dan perkara yang sehaluan dengan agama, ia boleh diaplikasikan dalam pentadbiran (Tamimi, 1997). Dalam hal ini, kita akan melihat berkenaan dengan pandangan Rashid Ghannouchi dalam memberikan justifikasi penerimaannya terhadap demokrasi dalam usaha memurnikan demokrasi selaras dengan Islam supaya dapat diterima pakai dalam masyarakat atas justifikasi kebaikan yang ada padanya.

PENGARUH DAN LATAR BELAKANG PEMIKIRAN RASHID GHANNOUCHI

Rashid Ghannouchi seperti yang dibahaskan berkenaan latar belakang beliau sebelum ini iaitu beliau merupakan seorang individu yang menghadapi situasi dan suasana yang rencam yang menyebabkan beliau menjadi seorang yang begitu kritis terhadap pemikiran dan idea yang diterima oleh beliau. Latar belakang beliau yang pelbagai iaitu beliau mempunyai keluarga yang berfahaman pan-Arab yang dipelopori oleh Jamal Abdeel Naseer dan juga beliau mempelajari falsafah barat di Sekolah Zaytouna sebelum menyambung pelajaran di Mesir buat seketika dalam bidang pertanian sebelum bertukar ke Syria dalam bidang falsafah. Di Syria, beliau menyertai kumpulan debat ilmunan agama dan juga golongan sekularis serta beliau turut terpengaruh kepada pemikiran golongan

salafi dibawah Nasir al-Din al-Albani (Tamimi, 2013: 23). Selain itu, beliau juga menyertai Ikhwan di Syria dan yang terakhir beliau turut serta dalam jemaah tabligh ketika berada di Perancis. Perkara menarik juga, beliau menyertai program keagamaan yang dianjurkan oleh persatuan Kristian Katholik di Perancis yang menekankan unsur kerohanian dalam usaha menjauhkan diri dari aktiviti sosial melampau masyarakat di sana (Muhammad Akhyar et al., 2013: 26). Selain itu, beliau juga terpengaruh dengan corak pemikiran pemikir Islam, iaitu Malek Bennabi dalam menegaskan kefahaman yang komprehensif tentang intipati Islam akan menuju ke arah penghayatan dan amalan demokrasi. Hal ini banyak ditulis di dalam beberapa penulisan beliau sendiri (Maszlee & Syaza Farhana, 2018). Perkara ini menunjukkan betapa Rashid Ghannouchi mempunyai latar belakang dan pengalaman hidup yang sangat beragam yang mencorak beliau menjadi seorang pemikir yang sangat baik dan tidak menolak sesuatu perkara secara mentah tanpa hujah yang kukuh kelak setelah beliau pulang ke Tunisia.

Sepanjang tempoh keberadaan beliau di Syria dan Perancis, beliau berjumpa dengan banyak pihak yang mempunyai pemahaman yang berbeza antara satu sama lain namun tidak membuatkan Rashid tidak menyertai golongan tersebut untuk mengambil manfaat didalamnya. Beliau juga meneliti pelbagai hujah yang dikeluarkan oleh ilmuan Islam dan juga pihak sekularis yang berlatarbelakangkan pelbagai pemikiran dan ideologi namun pada akhirnya beliau terpesona dengan ajaran Islam yang syumul dan komprehensif yang mampu untuk menjawab segala persoalan yang difikirkan oleh beliau selama ini (Husaini, 2021: 49). Hal demikian ini menjadi sebab kepada penerimaan beliau terhadap demokrasi kerana beliau tidak terus menolak bahkan kaji dahulu prinsip demikian walaupun sistem tersebut datang daripada golongan Barat.

Antara perkara yang membezakan Rashid dengan pemikir Muslim yang lain adalah gabungan ilmu dan pengalaman serta cabaran yang dilalui. Pengetahuan yang mendalam dalam bidang falsafah (pemegang sarjana falsafah dari Universiti Damascus, Syria) menambahkan lagi kelebihan dan kekuatan pemikiran. Beliau bukan sahaja intelektual yang bertindak sebagai 'theorist' atau sekadar ilmuan yang sekadar duduk di bilik berhawa dingin, tetapi kematangan pemikiran beliau adalah melalui proses yang begitu mengagumkan termasuk ancaman keselamatan nyawa, dipenjara dan pelbagai cabaran lain. Bukan itu sahaja, idea pemikiran Rashid Ghannouchi berkembang melalui proses pendidikan dan pengalaman dalam gerakan Islam. Bahkan adalah tidak lengkap untuk membicarakan topik gerakan Islam tanpa merujuk karya dan pandangan beliau. Sebagai pengasas Parti al-Nahdah di Tunisia yang ditubuhkan pada 1989, beliau melalui pelbagai mehnah dan cabaran yang akhirnya memantapkan pemikiran dan menjadikan beliau sebagai intelektual-reformis yang disegani di dunia (Muhammad Akhyar, 2013: 4).

HUJAH PENERIMAAN DEMOKRASI OLEH RASHID GHANNOUCHI

Gerakan Islam mula bercambah setelah kejatuhan penaung umat Islam iaitu Khilafah Uthmaniyyah pada tahun 1924 yang berpusat di Turki (Mohamad Shauki et al., 2020: 25). Setelah kejatuhan tersebut, ilmuan Islam dan umatnya mula memikirkan berkenaan dengan kaedah dalam usaha untuk menaikkan semula khilafah Islam setelah kejatuhan tersebut kerana dalam sejarah ketamadunan Islam, tidak pernah lagi berlaku suatu keadaan yang mana tiadanya pemerintahan oleh khilafah Islam walaupun jatuhnya sesebuah empayar Islam. Sebelum ini, jika jatuh sebuah kerajaan atau empayar, maka terdapat banyak lagi kerajaan Islam yang lain yang boleh dijadikan sebagai tempat berteduh umat Islam dan tempat berpaut. Namun, kejatuhan Turki 'Uthmaniyyah adalah suatu perkara yang luar dari kebiasaan kerana tidak ada pengganti kepada pemerintahan tersebut dan dalam masa yang hampir semua negara Islam dijajah dan dirosakkan pemikirannya dari segenap arah oleh penjajah Barat. Hal demikian ini menyebabkan kebencian umat Islam yang begitu mendalam terhadap golongan Barat dan segala

perkara yang bersangkutan paut dengan Barat dari sudut gaya hidup, pemikiran dan sebagainya.

Namun, kebencian tersebut tidak menyimpang kerana penjajah Barat sememangnya dalam usaha untuk meliberalisasikan umat Islam dengan pemikiran dan gaya hidup mereka. Maka, ramai ilmuan Islam menolak semua perkara dari barat termasuk pendekatan demokrasi sebagai satu sistem pentadbiran oleh pemerintah. Melihat kepada perkara tersebut yang masih lagi baru bagi umat Islam yang selama ini diperintah oleh pemerintahan monarki sebelum itu dan juga diperintah dengan cara diktator oleh penjajah Barat sewaktu mentadbir. Namun, setelah beransur waktu, pendekatan ke arah menubuhkan daulah Islamiah dan sistem khalifah adalah sangat sukar dan juga hampir mustahil tanpa melalui cara demokrasi menyebabkan muncul beberapa ilmuan Islam yang membuat ijtihad bahawa demokrasi adalah suatu sistem yang boleh digunapakai oleh umat Islam dalam sistem pemerintahan dengan syarat tertentu seperti tidak bercanggah dengan syariat dan yang berkaitan dengannya.

Dalam mendepani realiti hari ini, Rashid Ghannouchi memperakui dan berkeyakinan bahawa sistem demokrasi merupakan mekanisme terbaik pada masa ini dalam melindungi hak dan kedaulatan rakyat. Beliau menegaskan amalan demokrasi hari ini juga merupakan kaedah yang sesuai dalam memerangi praktik hegemoni gejala penguasaan kuasa yang keterlaluan (Sofi, 2018a: 83). Berdasarkan konsep *hakmiyyah*, Ghannouchi mengkritik sikap sesetengah pihak, termasuk golongan Islamis, yang menolak amalan demokrasi. Berhujahkan pendapat bahawa umat hari ini tidak memiliki kefahaman yang tinggi tentang konsep *hukm Allah*, maka demokrasi disifatkan sebagai solusi semasa yang seharusnya diraikan dan tidak wajar ditolak mentah-mentah kerana amalan demokrasi melibatkan peranan rakyat dalam mendirikan sesebuah kekuasaan. Selain itu, amalan demokrasi dilihat selari dengan prinsip keadilan (*'adl*) dan syura yang dilaksanakan dalam politik Islam. Tambahan pula, Ghannouchi menyifatkan sistem demokrasi yang memiliki jiwa Islam mampu menjadi pendekatan sesuai dalam melibatkan masyarakat secara holistik dalam pengurusan pentadbiran dan kekuasaan (Alisakun, 2020).

KONSEP FARAGHAT (RUANG UNTUK IJTIHAD – KEMERDEKAAN BERFIKIR)

Tema utama dalam pemikiran Ghannouchi adalah demokrasi sejajar dengan Islam, dan umat Islam harus menggabungkannya dalam pemikiran politik mereka bagi menginstitusikan konsep syura (Ahmad Farouk, 2011). Ghannouchi melalui Partinya al-Nahdah, berpegang secara teguh kepada konsep *maqasid al-shari'ah* yang telah diperkenalkan dan dikembangkan secara mendalam oleh Abu Ishaq al-Shatibi, salah satu ulama dari al-Maghrib al-'Arabi (wilayah Afrika Utara) dan penulis kitab besar, *al-Muwafaqat*. Teori-teori tentang *maqasid* kemudian diterjemahkan kedalam aplikasi moden oleh ulama besar Tunisia yaitu Tahir ibn 'Ashur. Menurut *maqasid al-shari'ah*, setiap tindakan, peraturan yang dilakukan dan digunakan oleh umat Islam harus sesuai dengan maksud tertinggi dari syariah. Ghannouchi menekankan bahawa pemahaman yang komprehensif tentang asas-asas Islam akan membawa kepada berdemokrasi (Muhammaddiah, 2021: 23). Ghannouchi menekankan bahawa perkara yang lebih penting, nilai-nilai asas demokrasi yang dizahirkan pada zaman Nabi dan Khulafa' al-Rashidin dilaksanakan berlandaskan pada prinsip, dan bukan pada model. Ghannouchi berpandangan bahawa dalam Islam terdapat dua perkara utama yang menjadi isi kandungannya iaitu *dini* (perkara yang tetap, tidak boleh diubah) atau boleh juga disebutkan sebagai syariah dan satu lagi kandungan Islam adalah *siyasi* (politik, berubah) atau juga boleh disebutkan sebagai ijtihad dan *fiqh*. Beliau berpandangan bahawa perkembangan Islam adalah berdasarkan dua kaedah ini yang juga boleh difahami

sebagai konsep Islam yang tetap dari sudut hukum dan dalil yang berkaitan dan juga anjal dari sudut pelaksanaan pada perkara yang dibolehkan.

Perkara ini yang dimaksudkan oleh Ghannouchi adalah suatu yang tidak boleh diubah dan ianya telah ditetapkan pelaksanaannya dalam al-Qur'an dan Sunnah yang mesti dipatuhi oleh umat Islam. Sebagai contoh kepada pecahan konsep *din* yang dimaksudkan yang merangkumi akidah, ibadah dan akhlak. Namun, satu lagi konsep iaitu *siyasi* adalah satu konsep yang menjadi rahmat kepada umat Islam dan juga kemuliaan yang diberikan oleh Allah kepada manusia yang bertujuan untuk berjihad dan berusaha untuk mencari jalan penyelesaian yang pelbagai serta bertepatan dengan syariat Islam. Oleh demikian itu, beliau menyelar segolongan ilmuan yang menolak secara total Islam dan juga hanya berpegang kepada mengembalikan khilafah Islam adalah sebagai golongan yang tidak mempunyai ilmu yang luas dalam agama dan hanya berpaksikan kepada semangat. Beliau mengatakan golongan sebegini tersalah menafsirkan ayat al-Quran iaitu "*Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu*" dengan menyatakan bahawa setiap solusi telah ada di dalam al-Quran dan dalam masa yang sama seolah menafikan ijtihad yang boleh diaplikasikan umat Islam demi masalah sedangkan ijtihad juga adalah perkara yang dibenarkan didalam agama.

Suatu syariat itu tidak dapat bertahan lama dan tidak berkembang sekiranya tidak ada dinamik dalam berjihad. Ijtihad membolehkan syariat memenuhi keperluan dan perubahan semasa kehidupan yang memerlukan kepada penyelesaian yang sepatutnya tanpa mengubah perkara *thawabit* (tetap) dalam agama seperti aqidah ketuhanan, prinsip-prinsip asas hukum dan sebagainya. Secara umumnya, Allah telah menjadikan syariat Islam ini sesuai untuk seluruh masa dan tempat. Nas-nas dan kaedah-kaedah syariah kebanyakannya didatangkan dalam bentuk umum manakala peristiwa-peristiwa sentiasa berlaku dan tidak terhad kepada masa-masa tertentu. Oleh itu, tiada jalan lain untuk mengetahui penjelasan syariah berkenaan peristiwa-peristiwa ini melainkan melalui jalan ijtihad (Mansor et al., 2016: 3).

Contohnya pelaksanaan ijtihad dapat dilihat pada sirah baginda selepas tamatnya Peperangan Badr iaitu baginda dan para sahabat berkumpul untuk membincangkan berkenaan tawanan dan kemudiannya terdapat dua pandangan yang datang dari Sayyidina Abu Bakr dan 'Umar iaitu Sayyidina Abu Bakr mencadangkan bahawa tawanan ditebus dengan wang (Ahmad Azan et al., 2010: 11) atau mengajar sekiranya tidak mampu sementara Sayyidina 'Umar pula mencadangkan bahawa setiap tawanan dibunuh oleh keluarga masing-masing lalu Rasulullah bersetuju untuk menerima pandangan Sayyidina Abu Bakr. Selepas itu turunnya ayat al-Qur'an yang menyatakan ijtihad baginda itu bukan yang terbaik. Contoh lain yang dikemukakan oleh Ghannouchi adalah berkenaan dengan situasi Perang Badr iaitu baginda mencadangkan agar umat Islam duduk di kawasan tertentu lalu terdapat sahabat yang mahir selok belok kawasan tersebut bertanya kepada Rasulullah adakah itu ijtihad baginda ataupun wahyu, maka baginda menyatakan itu ijtihad baginda lalu sahabat tersebut mencadangkan bahawa tempat yang mempunyai air adalah terbaik dan baginda bersetuju dengan cadangan tersebut.

Contoh ijtihad oleh para sahabat pula adalah ketika mana berkumpulnya para sahabat setelah kewafatan baginda iaitu sahabat yang utama berbincang berkenaan individu mana yang lebih layak untuk menjadi khalifah. Menurut Ghannouchi, sahabat yang berkumpul di situ adalah sahabat yang senior (Tamimi, 2013: 188) dan utama yang tidak dapat dinafikan sumbangan besar mereka kepada Islam dan masing-masing mempunyai pandangan yang tersendiri sebelum akhirnya bersetuju untuk menerima dan membaiah Sayyidina Abu Bakr sebagai khalifah yang pertama. Di sini, beliau tekankan bahawa Islam menyediakan ruang ijtihad kepada umatnya dalam menyelesaikan suatu perkara dan ijtihad adalah suatu yang diiktiraf dalam Islam yang dapat dilihat melalui perbuatan Nabi dan para sahabat. Maka ruang (*faraghat*) yang ada dalam Islam dibolehkan untuk berjihad terhadapnya dan ini adalah kelebihan yang ada pada Islam

yang diberikan kepada umatnya dalam menyelesaikan suatu perkara. Maka, dengan konsep inilah yang digunapakai oleh Ghannouchi dalam menerima pendekatan demokrasi yang dibawa oleh Barat yang mana beliau nyatakan sebagai ruang lingkup *siyasi* dan bukan *din* yang terbuka kepada ijtihad umat Islam dalam menerima pendekatan tersebut selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Akan tetapi, *siyasi* iaitu ijtihad tidak boleh dipakai sewenang-sewenangnya tanpa batasan hanya disebabkan oleh Islam membenarkan penggunaan ijtihad demi masalah. Ijtihad yang dikeluarkan mestilah dalam kalangan ahlinya supaya tujuan utama untuk mendapatkan masalah itu tercapai dan dalam masa yang sama ia tidak bercanggah dengan prinsip Islam yang tetap dan *qat'i*. Oleh demikian itu, perbahasan berkenaan demokrasi ini adalah suatu perbahasan dan ijtihad yang panjang oleh ilmuan Islam yang memakan masa yang lama demi mencapai keputusan yang terbaik.

AL-HURRIYAH AL-'AMMAH – KEBEBASAN UMUM

Setelah berhasil menterjemah karya Bennabi berjudul *al-Dimuqratiyah fi al-Islam (Demokrasi dalam Islam)*, Ghannouchi memutuskan untuk menulis sebuah buku tentang kebebasan (Ahmad Farouk, 2011). Buku beliau diterbitkan pada tahun 1993, *al-Hurriyah al-'Ammah fi al-Dawlah al-Islamiyyah (Kebebasan Umum dalam Negara Islam)*, dianggap sebagai salah satu karya terpenting dalam wacana pemikiran politik Islam semasa.

Dalam buku ini, Ghannouchi melihat demokrasi sebagai kesan daripada evolusi sejarah yang panjang. Beliau berhujah bahawa kaum Eropah mengambil faedah daripada peradaban Islam dengan merangka konsepsi pencerahan yang segar mengenai nilai sosial yang hasilnya adalah kebangkitan demokrasi liberal. Maka, beliau menyatakan bahawa kebebasan adalah suatu perkara yang utama yang sepatutnya setiap individu rasai apabila menetap di sesebuah negara. Maka apabila kebebasan itu tiada dan ditarik oleh pemerintah, maka ia bukan sebuah pemerintahan yang baik. Pandangan yang dikemukakan oleh beliau dikuatkan lagi dengan melihat kepada pemerintahan Khulafa' al-Rashidin yang mana rakyat pada masa tersebut terjamin hak dan kebebasan yang berpandukan kepada syarak.

Perkara yang dapat dilihat bahawa Ghannouchi menekankan berkenaan dengan hak individu dan kebebasan insan adalah disebabkan oleh Negara Tunisia yang didiami oleh beliau banyak menindas rakyat dan menggunakan pendekatan diktator walaupun dikatakan secara zahirnya pemerintah di sana menggunakan pendekatan Barat yang sinonim dengan demokrasi, nyata mereka hanya mengunapakai sistem yang hanya menguntungkan diri. Sebagai contoh Ghannouchi sendiri menjadi mangsa kepada kekejaman diktator Tunisia yang mana beliau sendiri dipenjarakan bersama rakan-rakannya hanya kerana keterlibatan dalam politik (Tamimi, 2013: 60).

Beliau juga konsisten memperjuangkan kesamarataan seperti hak-hak asasi manusia, hak-hak wanita kepada pendidikan, pemilikan harta dan partisipasi politik (Muhammad Akhyar et al., 2013). Di samping mengiktiraf syariah sebagai rujukan utama dalam konsep negara madani ini, Ghannouchi berpandangan bahawa beberapa hukum yang menyentuh hak asasi yang bersifat peribadi tidak boleh dilaksanakan secara paksa. Beliau menganggap hal ehwal yang melibatkan peribadi seperti pemakaian tudung perlu dikekalkan sebagai hak peribadi individu itu. Walaupun jika dilihat pandangan Ghannouchi sebagai suatu yang tidak begitu bertepatan dengan syarak pada hak pemakaian tudung untuk tidak dipaksa sedangkan kerajaan mempunyai kuasa untuk mengubah dengan perundangan adalah mungkin dapat dilihat kepada suasana kehidupan masyarakat di Tunisia yang memerlukan kepada implimentasi terhadap syariat Islam secara berperingkat disebabkan oleh masyarakat di sana mempunyai pemikiran sekular yang menebal setelah berpuluh tahun diterapkan dengan pemikiran tersebut dan juga

disebabkan oleh gerakan Islam seringkali dikaitkan dengan extremism. Maka, paksaan terhadap pemakaian tudung yang asing terhadap norma budaya di Tunisia mungkin boleh menyebabkan penentangan yang besar terhadap pembawaan negara Islam yang ingin dibawa oleh Ghannouchi.

Ghannouchi menyokong peranan yang sama rata untuk wanita dalam masyarakat dan hak mereka untuk pendidikan, kerja, pemilihan rumah dan perkahwinan, pemilikan harta dan penyertaan dalam politik. Hal demikian ini berlaku kerana di Tunisia dan negara Arab, wanita dinafikan hak untuk bekerja bahkan juga wanita disana terlalu tertutup menyebabkan wanita di sana kurang terlibat dengan kerja dan juga politik. Hal demikian ini berbeza dengan wanita liberal dan sekular yang diberi kebebasan untuk bekerja dan berinteraksi menyebabkan Ghannouchi menyuarakan perkara ini dan juga menekankan kepentingan wanita dalam banyak sektor bahkan politik negara sekalipun. Malah, Rashid Gannouchi sering kali menyentuh tentang isu yang melingkari wanita seperti poligami, etika pakaian, hak pendidikan, hak bekerja dan pergaulan antara gender (Sofi, 2018b).

Beliau mengambil pendirian secara beransur-ansur dalam memperjuangkan perubahan sosial dan politik, Rashid bertujuan untuk memberi inspirasi kepada model budaya yang lebih penting. Beliau dilihat bergantung kepada idea-idea ortodoks padahal sebenarnya beliau menterjemahkan semula idea tersebut untuk menampung isu-isu moden masyarakatnya. Idea-idea beliau, walaupun kadangkala mengundang kontroversi, diberi banyak perhatian oleh aktivis dan cendekiawan Islam. Sumbangan intelektual dan aktivisme politik Rashid telah menjadikan beliau terkenal dalam kalangan gerakan Islam kontemporari (Mohammad Hafizuddin, 2015).

FORMULASI DEMOKRASI ISLAM

Masyarakat Madani (*Civil Society*), dicirikan dengan masyarakat terbuka, yang bebas dari pengaruh kekuasaan dan tekanan negara, masyarakat yang kritis dan aktif. Masyarakat madani merupakan salah satu asas penting dalam pemerintahan demokrasi yang mana masyarakat madani sendiri berperanan sebagai semak dan imbang kepada pentadbiran eksekutif negara (Rangkuti, 2018: 55). Masyarakat Madani (*Civil Society*) akan mewujudkan sebuah jaringan sosial yang besar iaitu dengan melibatkan pelbagai individu yang terdiri dari pelbagai latar belakang khususnya golongan ilmuwan yang akan memandu masyarakat dalam memilih kepimpinan yang baik. Jaringan sosial ini akan menghasilkan sikap terbuka, percaya, dan toleransi antara satu sama lain yang akan membangunkan demokrasi dengan baik. Namun, di Tunisia pemerintahan pasca kemerdekaan adalah secara kuku besi menyebabkan berlaku pemusatan kuasa kepada organisasi dan individu tertentu mengakibatkan penyelewangan dan kemunduran kepada negara dari sudut sosial, ekonomi dan sebagainya.

Disebabkan pemerintah Tunisia mengamalkan pemerintahan secara diktator, maka kronisme berleluasa dan akhirnya mengakibatkan rakyat menderita. Maka, berdasarkan kaedah *sadd al-dhara'i'* (menutup pintu keburukan), sistem pluralisme politik amat diperlukan demi mengelakkan kezaliman berlaku, dan demi memastikan keadilan akan terus tertegak. Pluralisme politik akan memainkan peranan yang penting untuk mengimbangkan sesebuah pemerintahan yang mana pemerintah akan dipilih oleh rakyat. Oleh demikian itu, setiap pemerintah yang dilantik untuk tempoh masa yang ditetapkan perlu berkhidmat sebaik mungkin untuk rakyat supaya mereka akan dipilih semula untuk tempoh pilihanraya yang akan datang. Maka, perkara ini akan menyebabkan pemerintah tidak sewenang-wenangnya memperlakukan rakyat sesuka hati mereka dan mengabaikan kebajikan rakyat disebabkan mereka akan dinilai oleh rakyat sepanjang tempoh pemerintahan.

Pluralisme politik tidak boleh dianggap sebagai perpecahan umat atau masyarakat, tetapi disikapi dengan sikap berlumba untuk mengerjakan kebaikan, dan juga

sunnah *tadafu'* (tabiat normal manusia untuk saling membetulkan yang silap). Pluralisme politik pada hakikatnya akan mewujudkan kestabilan politik dalam sesebuah negara disebabkan dua organisasi dan parti atau lebih dalam kerajaan bersatu dalam sebuah koalisi dalam usaha untuk mentadbir dan memakmurkan negara. Apabila gabungan parti ini berlaku, tiada dominasi kuasa yang melampau dan akan mewujudkan kestabilan dalam sesebuah negara. Menurut Ghannouchi, pemerintahan diktator adalah bertentangan dengan prinsip keadilan dan ihsan yang dibawa oleh ajaran Islam. Hal ini banyak disinggung oleh Ghannouchi sama ada di dalam penulisannya, mahupun di dalam ucapan dan wawancara bersama beliau. Hal demikian ini kerana pemerintah diktator ini mengabaikan rakyat dan lebih mengutamakan kepentingan diri sendiri tambahan pula pemerintah diktator ini kurang nilai agama dan memisahkannya dari kehidupan menyebabkan kurang nilai kemanusiaan dalam kehidupan disebabkan tidak merasakan keterikatan dengan agama.

Baginya, konsep pluralisme politik adalah penting demi menghalang sistem kuku besi dari berlaku ataupun berulang di dalam mana-mana negara umat Islam. Beliau menyandarkan keharusan konsep pluralisme politik di dalam Islam kepada Sahifah al-Madinah ataupun Piagam Madinah, di mana Rasulullah SAW telah mengariskan hak dan tanggungjawab warga kota Madinah, serta panduan untuk warga menguruskan perbezaan mereka (Maszlee & Hamidah, 2016: 8). Berteraskan prinsip inilah, Ghannouchi percaya bahawa prinsip pluralisme politik amat penting dalam pemerintahan Islam. Menurut Ghannouchi, konsep pluralisme ini bukan hanya akan memastikan proses timbangtara dan nilai dapat dilakukan, malah ianya merupakan sebahagian daripada pelaksanaan konsep syura yang berupaya untuk menguruskan perbezaan pandangan dalam kalangan umat Islam. Di samping itu, kewujudan pelbagai parti di dalam ruang politik umat Islam dapat menghalang sistem diktatoris yang lazimnya timbul dari sistem satu parti yang memonopoli kuasa di dalam pemerintahan umat Islam.

Pengamalan konsep syura adalah suatu yang sangat dituntut dalam Islam. Syura juga merupakan nilai yang paling utama di dalam konsep politik Islam. Ayat al-Qur'an telah menekankan berkenaan dengan kepentingan syura dalam melaksanakan sesuatu keputusan dan tindakan. Syura mengandungi makna segala sesuatu yang dapat di ambil atau di keluarkan dari lain (termasuk pendapat) untuk memperoleh kebaikan. Syura mempunyai maksud yang sama seperti musyawarah. Oleh demikian itu, keputusan yang diambil berdasarkan syura merupakan sesuatu yang baik dan berguna bagi kepentingan kehidupan manusia disebabkan syura ini mengambil pandangan dari kalangan ahlinya yang mesti mematuhi syariat agama dan menjaganya dalam kehidupan harian (Dalimunthe, 2020: 25).

Rashid Ghannouchi turut menegaskan bahawa syura merupakan suatu perkara utama yang mesti wujud dalam konteks kenegaraan. Syura merupakan suatu prinsip dalam mengikuti perintah Allah dan membumikan perintah berkenaan dalam kehidupan umat. Malah Ghannouchi menambah bahawa syura ini berfungsi dengan sewajarnya bagi melicinkan urusan perundangan, politik, ekonomi dan pendidikan kerana individu-individu yang dilantik menjadi ahli syura merupakan individu yang berkemahiran dalam hal-hal berkenaan. Justeru, syura menjadi teras pemikiran politik Ghannouchi dalam memastikan urusan kehidupan umat ditadbir sebaiknya (Rahman, 2021).

Semasa membicarakan tentang syura, Muhammad Imarah mengatakan bahawa ayat al-Qur'an di dalam Surah al-Nisa 4:59 yang menyuruh umat Islam mematuhi Allah, Rasul dan *uli al-amri* (mereka yang berkuasa) dari kalangan kamu itu menunjukkan erti sebenar syura. Perkataan (*minkum*) iaitu dari kalangan kamu dari ayat *uli al-amri 'min'kum* bermaksud orang yang berkuasa dari kalangan kamu, iaitu "dari kalangan kamu yang telah kamu pilih." Manakala menurut Ghannouchi, perkataan *minkum* juga bererti memilih pemimpin dari kalangan kamu melalui syura sebagai manifestasi ketaatan kamu kepada Allah dan Rasul.

Ketaatan dan kepatuhan kepada *uli al-amri* 'dari kalangan kamu' juga terikat dengan sejauhmana kepatuhan dan ketaatan mereka kepada Allah dan Rasul. Jika *uli al-amri* gagal melaksanakan amanah yang telah Allah dan RasulNya berikan, maka dia tidak layak lagi ditaati dan dipatuhi. Perlu difahami, *uli al-amri* juga tidak terhad kepada ketua negara semata-mata, sesetengah ahli tafsir mengatakan *uli al-amri* adalah para ulamak, manakala ada yang mengatakan setiap orang yang telah diberikan tanggungjawab '*ulum Islamiyyah*' dari kalangan kamu sebagai seorang pengurus. Oleh demikian itu, kesemua ulil amri ini semestinya terikat dengan undang-undang dan syariat Islam yang mempunyai ketetapan yang tetap dan anjal dalam mneguruskan orang di bawah penguasaan mereka. Seorang suami adalah *uli al-amri*, seorang bapa adalah *uli al-amri*, seorang ketua jabatan adalah *uli al-amri*, seorang pengurus adalah *uli al-amri*, seorang guru adalah *uli al-amri*, seorang pengetua adalah *uli al-amri*, dan segala yang perkara yang membawa maksud menguruskan sesuatu yang menjadi suatu beban tanggungjawab (Maszlee & Hamidah, 2016: 10).

Maksudnya, setiap orang yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan amanah dan juga mereka bertanggungjawab untuk terlibat membuat keputusan. Sebab itulah, jika '*uli al-amri minkum*' di zaman lampau ditafsirkan sebagai sama ada golongan pemerintah (umara) ataupun ulama, kini ianya wajib ditafsirkan sebagai *rule of law* ataupun keluhuran undang-undang (Maszlee & Hamidah, 2016: 9). Undang-undang merupakan sesuatu yang digubal berdasarkan kepentingan umum dan melalui golongan yang memerintah. Perkara yang ditekankan disini adalah, pluralisme politik adalah mereka yang menjadi penggerak kepada suatu tindakan yang mana diatas mereka adalah undang-undang yang mesti dipatuhi dan juga undang-undang yang mesti dikenakan secara adil dan samarata terhadap mana-mana individu samaada rakyat marhaen mahupun pemerintah.

Oleh demikian itu, undang-undang yang dibentuk dan dikenakan dengan adil kepada rakyat mahupun pemerintah adalah merupakan hasrat majoriti yang menginginkan keadilan. Maka, tidak ada individu yang melampaui undang-undang dan terlepas dari dikenakan hukuman walaupun dalam kalangan pemimpin utama negara dan hartawan. Namun, keadaan ini dicapai dengan syarat tiada pemusatan kuasa kepada suatu entiti dan organisasi supaya pelaksanaan hukuman dapat dijalankan dengan telus. Pemerintahan diktator yang berkuasa penuh semestinya akan menggunakan kuasa yang ada dalam mengelakkan dari disabit dari suatu kesalahan bahkan memonopoli segala hasil yang ada dalam negara dengan kronisme. Maka, demokrasi dan pluralisme politik yang bertunjangkan kepada pemilihan yang dibuat oleh rakyat sudah pasti adalah jalan keluar untuk mendapatkan keadilan ini dengan cara mereka mampu mengurangkan kuasa pemerintah disebabkan pemerintah boleh diturunkan dari kekuasaannya melalui sistem ini.

Berbalik kepada pendekatan syura, kita akan dapati di dalam al-Qur'an Allah SWT menyuruh Rasulullah SAW melibatkan bilangan besar sahabat di dalam membuat keputusan. Rasulullah SAW juga telah melibatkan seramai mungkin sahabat di dalam proses membuat keputusan pada beberapa situasi (Ahmad, 2014: 95). Ia juga merupakan amalan para Khulafa al-Rashidin di dalam pentadbiran mereka, dan juga di dalam hal-hal berkaitan ijtihad yang melibatkan hukum-hakam agama. Syura yang paling berkesan ialah syura terbuka dan meluas di mana setiap anggota masyarakat boleh terlibat di dalam memberikan pilihan dan memberikan pandangan mereka di dalam proses pembuatan keputusan oleh pihak pemerintah. Tapi, jika dilihat di dalam syura terbuka dilakukan oleh Rasulullah dan para sahabat, mereka yang memberikan sesuatu pandangan adalah mereka yang mempunyai autoriti dalam bidang tersebut. Maka, syura terbuka adalah suatu perkara yang baik yang ditafsirkan oleh Rashid Ghannouchi namun mestilah mempunyai suatu batasan tertentu supaya keterbukaan yang terlalu besar tidak menatijahkan golongan yang bukan ahli memberi pandangan terhadap sesuatu perkara.

Melalui kefahaman syura dan penyertaan yang lebih inklusif ini, proses membuat keputusan mestilah melibatkan seramai mungkin individu yang mempunyai keahlian yang mampu untuk memberikan pandangan mereka. Syura 'terbuka' yang inklusif adalah ruang kepada masyarakat untuk terlibat di dalam proses tatakelola dan juga semak imbangan kepada pemerintahan. Pada satu sudut, penelitian dan pandangan rakyat adalah suatu perkara yang perlu diambil kira kerana keputusan pemerintah bukan obsolut yang tidak boleh diubah yang pastinya mempunyai kekurangan yang boleh ditampung oleh sebahagian pandangan daripada masyarakat. Konsep syura terbuka dan juga memberdayakan individu dan warga menjadi lebih analitikal dan kritis di dalam proses membuat keputusan ini yang disebut oleh Muhammad Imarah sebagai '*Siyasat Ra'iyah*' (politik warga sivil) (Maszlee & Hamidah, 2016: 10).

Ghannouchi pula menyifatkan keterlibatan warga di dalam ruang sivil sebagai salah satu mekanisme syura yang membentuk masyarakat bertamadun berteraskan '*ulum Islamiyyah*'. Namun, pandangan Ghannouchi ini adalah sedikit berbeza dengan konsep syura yang kebiasaan iaitu syura yang pada asasnya adalah yang diputuskan oleh *ahl al-hall wa al-aqd* iaitu mereka yang mempunyai kelayakan untuk membuat keputusan diatas ilmu dan kepakaran yang mereka ada dan tidak melibatkan masyarakat yang ramai. Penglibatan masyarakat ramai sudah tentu tidak mampu melihat suatu perkara dengan pandangan yang menyeluruh disebabkan masyarakat tidak terlibat dengan pentadbiran negara. Maka, syura adalah dalam kalangan ahli yang pakar dan masyarakat sepatutnya yakin dan *wala'* dengan keputusan dalam masa yang sama keputusan tersebut boleh diberi ruang penambahbaikan dan menerima pandangan umum masyarakat terhadapnya.

Di samping itu, menurut Ghannouchi juga, konsep penyertaan warga melalui gerakan masyarakat sivil yang aktif juga merupakan antara ciri tatekelola kerajaan yang baik. Berhubung persoalan syura terbuka ini, beliau turut menegaskan proses membuat keputusan dengan syura terbuka juga mencerminkan konsep persamaan di antara warga, dan persamaan hak mereka untuk terlibat di dalam membuat keputusan secara kolektif. Perlaksanaan syura terbuka yang berkesan juga memerlukan penglibatan aktif warga dengan aktif tanpa ada sebarang sekatan dan juga kekangan dari segi undang-undang ataupun politik. Oleh demikian itu, syura yang cuba dibawa oleh Rashid Ghannouchi adalah manifesasi dari demokrasi disebabkan oleh demokrasi adalah sistem di mana hampir semua masyarakat dilibatkan untuk memilih pemimpin. Namun, kekurangan dari sistem ini adalah, pemerintah datangnya dari majoriti sokongan masyarakat yang semestinya memerlukan masyarakat yang baik untuk memperoleh pemimpin yang bukan sahaja baik dari sudut memerintah namun pemerintah yang menjalankan hukum hakam syariat agama yang pasti agak sukar didapati melalui sistem demokrasi ini.

PENGIMPLIMENTASIAN DEMOKRASI DI TUNISIA

Pada hari Jumaat 17 Disember 2010, seorang pemuda Tunisia bernama Boazizi yang berumur 26 tahun berdiri di hadapan pejabat kerajaan dan membakar dirinya diatas protes disebabkan oleh ekonomi yang sangat kritikal di Tunisia. Beliau menamatkan pelajaran di peringkat ijazah namun menjual sayur disebabkan oleh tidak mendapat pekerjaan di sana (Taqwa & Kurniawan, 2017: 22). Kejadian ini membangkitkan kemarahan penduduk Tunisia yang sekian lama telah terhimpit dengan kesusahan hidup ditambah pula dengan monopoli perniagaan dan tender oleh keluarga Ben Ali. Hal ini menyebabkan rakyat bangun memberontak kepada pemerintah Tunisia. Rusuhan ini berlaku dengan dahsyat ditambah oleh kemudahan facebook yang ada pada waktu itu menambahkan lagi kepantasan sebaran maklumat berkenaan hal ini dan seterusnya merebak ke seluruh negara (Musada, 2013: 82). Rusuhan ini berlaku tidak lama apabila hanya mengambil masa 10 hari dari kematian Boazizi dan Ben Ali serta keluarganya diusir ke Arab Saudi. Rusuhan ini adalah kemuncak ketidakpuasan hati rakyat Tunisia

kepada pemerintahan Ben Ali yang terdiri bukan sahaja dari golongan islamis bahkan juga dari golongan sekularis disebabkan oleh keadaan ekonomi yang terlalu gawat dan tidak berlaku penambahbaikan sejak sekian lama.

Setelah diusir, maka berlaku kekosongan pemerintahan dan hal ini menyebabkan Rashid Ghannouchi dipanggil untuk mengisi kekosongan tersebut. Beliau pulang ke Tunisia dan menghidupkan semula al-Nahdah. Parti al-Nahdah berkempen atas kapasiti gerakan Islam yang mana merupakan kontra kepada keadaan Tunisia yang sekular pada waktu itu. Namun, al-Nahdah diterima oleh kebanyakan masyarakat di sana menjadikan ia sebagai satu kejutan dan suatu fenomena yang menarik. Bagi yang memihak kepada Parti al-Nahdah, mereka mengatakan bahawa hal ni adalah suatu keseimbangan diantara Islam dan kemodenan manakala bagi pihak sekular pula merasakan ia sebagai sebuah ancaman yang akan menghakis budaya sekular di Tunisia (Riyanika et al., 2018: 2).

Kemenangan besar parti al-Nahdah dengan memenangi 89 daripada 217 kerusi dipertandingkan (41% majoriti undi) semasa pilihanraya Tunisia, di mana Setiausaha Parti Hamadi Jebali telah dilantik sebagai Perdana Menteri setelah kejatuhan rejim Ben Ali, membuktikan pengaruh beliau masih signifikan dalam politik di Tunisia dan idea beliau sangat relevan dengan kehendak rakyat. Pengaruh al-Nahdah di bawah pimpinan Ghannouchi juga semakin mendapat tempat di hati rakyat Tunisia. Kajian yang dijalankan oleh Michael Robbins, (2011) mendapati bahawa soal selidik terhadap kepercayaan rakyat Tunisia mendapati bahawa lebih 49.4% responden menaruh kepercayaan tinggi kepada al-Nahdah berbanding dengan parti politik yang lain seperti Tunisian Labor Federation (37.8%), Civil Society Organizations (43.8%) dan lain-lain (28.2%) (Muhammad Akhyar et al., 2013: 8).

Menariknya, beliau tetap konsisten dan begitu realistik apabila mengatakan bahawa al-Nahdah tidak mensasarkan untuk mendominasi kuasa pemerintahan untuk memaksa rakyat mengikuti undang-undang Islam. Beliau sendiri menyatakan bahawa dia tidak bercadang untuk bertanding menjadi presiden. Beliau menegaskan bahawa gerakan Islam bercadang untuk menjadi sebahagian daripada rakyat untuk membina negara yang lebih adil, demokratik dan bebas dari kezaliman, salahguna kuasa, tirani dan korupsi. Demi mengotakan janjinya, al-Nahdah telah mengadakan Persepakatan Troika dengan dua buah parti yang lain, iaitu Parti al-Muktamar atau Congrès Pour la République (CPR) yang diketuai oleh Moncef Marzouq yang telah memenangi pemilihan Presiden Tunisia pada 12 Disember 2011 dan juga Parti al-Takattol atau Démocratique Pour le Travail et les Libertés (FTDL) yang diketuai oleh Mustapha Ben Jaafar. CPR telah memenangi 29 kerusi parlimen, manakala FTDL pula hanya mendapat 20 kerusi. Sikap al-Nahdah enggan menghantar wakilnya untuk menjadi presiden telah mengundang penghormatan dari ramai pihak kerana al-Nahdah berpegang kepada janji mereka dan komited terhadap usaha perkongsian kuasa. Pada 14 Disember 2011, Presiden Moncef telah melantik Setiausaha Agung Parti al-Nahdah, Hamadi Jebali sebagai perdana menteri untuk mengetuai kabinet kerajaan (Maszlee & Hamidah, 2016: 13).

Kemenangan al-Nahdah dan menjadi sebuah kerajaan adalah mencabar kerana perlu untuk menstabilkan semula ekonomi disamping terdapat beberapa masalah yang berlaku dalaman dan juga luaran. Sekatan dan tekanan yang dikenakan kepada al-Nahdah menyebabkan sukar untuk memulihkan keadaan ekonomi dan kestabilan negara kerana perlu fokus untuk menghadapi tekanan dan masalah yang dihadapi disebabkan parti komponen dan juga ekstremis Salafi yang meningkat naik melalui gerakan ISIS. Kehadiran ISIS menyebabkan rakyat Tunisia yang sekular memandang Islam sebagai sebuah agama yang ekstrem menyebabkan secara tidak langsung al-Nahdah juga terpalit kerana pendekatan Islam yang cuba dibawa oleh al-Nahdah walaupun pada hakikatnya keduanya adalah berbeza. Namun, al-Nahdah terus menjadi antara parti dominan di Tunisia dan terus berevolusi untuk menyesuaikan diri dengan keadaan dan situasi di Tunisia (Wolf, 2017: 2).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, Rashid Ghannouchi telah berjaya untuk mengimplimentasikan nilai demokrasi di negara Tunisia setelah sekian lama beliau berjuang bagi merealisasikan hasrat ini. Perjuangan terhadap demokrasi berdasarkan atas beberapa faktor yang dapat dilihat iaitu pemerintah di Tunisia melaksanakan pemerintahan diktator yang tidak menjaga kebajikan rakyat. Pemerintah di sana juga mengamalkan kronisme di dalam ekonomi dan menguasai ekonomi melalui keluarga golongan yang memerintah. Selain itu, demokrasi dilihat sebagai sebuah sistem pentadbiran yang ideal dan baik disebabkan oleh kemajuan yang diperoleh oleh Barat hasil daripada pelaksanaan sistem demokrasi. Akan tetapi, sistem demokrasi mempunyai cacat celanya iaitu ia lebih kepada suatu dasar populis iaitu gerakan yang lebih popular dan diminati oleh rakyat akan memenangi pilihan raya yang lebih menjurus kepada suatu sentimen. Oleh demikian itu, parti yang bijak mainkan isu dan sentimen disamping mempunyai ideologi yang sama dengan masyarakat akan mudah memenangi pilihanraya. Maka, keadaan masyarakat Tunisia yang menebal sekularnya mendatangkan masalah pada Gerakan al-Nahdah pada kemudian hari sehingga al-Nahdah terpaksa menukar polisi daripada sebuah gerakan Islam kepada hanya gerakan politik yang memisahkan Islam.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Universiti Malaya yang telah menyediakan geran penyelidikan untuk geran penyelidikan SATU Middle East or Religious Extremism, ST018-2019.

RUJUKAN

- Ahmad Azan Ridzuan, Mohd Juraimy Kadir, Hasan Al-Banna Mohamed & Aman Daima Md Zain. (2010). Peperangan Nabi Muhammad S.A.W.: Analisa Strategi Peperangan dan Pertahanan. International Conference on Da'wah and Islamic Management, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. 23 & 24 November, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
- Ahmad Farouk Musa. (2011). *Perumusan Semula Demokrasi Islam oleh Ghannouchi*. al-Ahkam.net. Akses pada 10 Januari 2021 di <https://irfront.net/post/articles/articles-malay/perumusan-semula-demokrasi-islam-oleh-ghannouchi/>
- Ahmad, Nursalim. (2014). Syura Pada Zaman Nabi Muhammad S.A.W di Madinah Tahun 622-632M dan Aktualisasinya Pada Zaman Kontemporer. Tesis Dr. Fal. tidak diterbitkan, Fakultas Adab dan Ilmu Budaya, UIN Sunan Kalijaga.
- Alisakun, Shakira. (2020). Islam and Democracy: A Study on Rachid Ghannouchi's View. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*. 13(2), 27-54.
- Andiko, Toha. (2017). Syura dan Demokrasi Barat: Kritik dan Solusi Menuju Demokrasi Islam. *al-Imarah: Jurnal Pemerintahan dan Politik Islam*. 2(2), 99-114.
- Dalimunthe, Khoirunnisa. (2020). Konsep Syura menurut Alkawardi Relevansinya terhadap Demokrasi menurut UUD 1945. Tesis Dr. Fal. tidak diterbitkan, Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara.
- Husaini Zaid. (2021). Peranan Rashid Ghannouchi dalam Perkembangan Islam di Tunisia. Latihan Ilmiah Sarjanamuda tidak diterbitkan, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mansor Sulaiman, Azizurahman, Fatmawati Latada, Hasan Ahmad & Mohamad Hilmi Mat Said (2016). Ijtihad dan Perkaitannya dengan Masalahah: Suatu Kupsan. The 4th

- International Conference on Islam and Higher Education. 5-6 Oktober, Kolej Yayasan Pahang, Kuantan, Pahang, Malaysia.
- Maszlee Malik & Hamidah Mat. (2016). Tatakelola Kerajaan yang Baik (Good Governance): Gerakan Islam dan Rashid al-Ghannouchi. *Ulum Islamiyyah Journal*. 17, 1-19.
- Maszlee Malik & Syaza Farhana Mohamad Shukri. (2018). From Political Islam to Democrat Muslim: A Comparison between Rashid Ghannouchi and Anwar Ibrahim. *Intellectual Discourse*. 26(1), 161-188.
- Mohamad Shauki Mohd. Radzi, Mohd. Sohaimi Esa & Zaini Othman. (2020). Elemen Pan-Islamisme dalam Hubungan Empayar Uthmaniyyah dengan Kerajaan Kesultanan Johor dari Abad ke-18 Masihi hingga Perang Dunia Pertama. *Jurnal Kinabalu*. 26(2), 23-49.
- Mohammad Hafizuddin. (2015). *Mengenal Rachid Ghannouchi: Tokoh Pemikir Islam dan Peralihan Demokratik Tunisia*. Pertubuhan IKRAM Malaysia. Akses pada 20 September 2021 di <https://www.ikram.org.my/berita/item/2686-mengenal-rached-ghannouchi-tokoh-pemikir-islam-dan-peralihan-demokratik-tunisia.html>
- Mohd. Rumaizuddin Ghazali. (2017). Pengamalan Demokrasi di Dunia Islam menurut Perspektif Islam. *Al-Abqari Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 10(1), 17-34.
- Muhammaddiah, Muhammad Rusdi. (2021). Islam Demokrat Perspektif Rashid Ghannouchi. *Jurnal Hukum Samudra Keadilan*. 16(1), 19-36.
- Musada, Faizal I. (2013). Demokratisasi Tunisia dan Pengaruhnya terhadap Negara-negara Arab. Disertasi Sarjana tidak diterbitkan, Universitas Hasanuddin, Makassar.
- Rahman, Hafijur. (2021). The Approach of Shura in Rashid Ghannouchi's Conception of State. *Journal of Economics and Administrative Sciences University of Ataturk*. 35(3), 879-899.
- Rangkuti, Afifah. (2018). Demokrasi dalam Pandangan Islam dan Barat. *Jurnal Ilmiah Penegakan Hukum*. 5(2), 49-59.
- Riyanika, C., Luthfi, M. & Hannase, M. (2018). *The Role of Rachid Ghannouchi on Democratization in Tunisia After Ben Ali Regime*. Jakarta: ICSGS.
- Sofi, M.D. (2018a). *Rashid al-Ghannushi A Key Muslim Thinker of the 21st Century*. Singapore: Springer Nature.
- Sofi, M.D. (2018b). Reading Rashid al-Ghannushi's Debate on Human Rights. *Australian Journal of Islamic Studies*. 3(1), 45-63.
- Tamimi, A. (2013). *Rachid Ghannouchi: A Democrat Within Islamism*. Oxford: Oxford University Press.
- Tamimi, A.S. (1997). *Democracy in Islamic Political Thought*. Core.ac.uk. Akses pada 20 September 2021 di <https://core.ac.uk/download/pdf/14517149.pdf>.
- Taqwa, L. & Kurniawan, H. (2017). Peran Partai al-Nahdhah dalam Rekonsiliasi Politik di Tunisia Tahun 2011-2015. *Jurnal Middle East and Islamic Studies*. 4(1), 22-42.
- Wan Muhammad Akhyar Ab Shatar, Siti Badariah Mohamad, Nurulfathonah Mohd Effendy & Siti Nur Falah Zulkifli. (2013). Konsep Daulah Madaniyah (Negara Sivil) menurut Rashid al-Ghannouchi. Academia.edu. Akses pada 20 September 2021 di https://www.academia.edu/29226558/Konsep_Negara_Madani_Menurut_Rashid_Al_Ghannouchi
- Wolf, A. (2017). *Political Islam in Tunisia: The History of Ennahda*. Oxford: Oxford University Press.